

Bajet besar urus pandemik perlu jaminan akauntabiliti ketat

Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) menyarankan kerajaan di seluruh dunia memastikan akauntabiliti diamalkan dalam usaha menangani pandemik COVID-19, memandangkan ia membabitkan peruntukan dana yang besar.

Projek Laporan Rasuah dan Jenayah Terancang (OCCRP) melaporkan beberapa pemimpin politik bergantung kepada pandemik ini bagi meningkatkan kuasa mereka, selain mengenakan sekatan terhadap maklumat yang sukar untuk dicapai, menghapuskan keperluan ketelusan daripada perolehan awam dan mengelakkan mekanisme akauntabiliti awam.

Seperti negara lain, Malaysia juga mengumumkan inisiatif fiskal bagi menangani isu penting berkaitan COVID-19 seperti peningkatan pengangguran, meningkatkan program kebajikan sosial dan mencapai keperluan segera kesihatan.

Dalam kesamaran ekonomi ini, masyarakat amat mengharapkan bantuan kerajaan. Berdasarkan KPMG, sehingga Disember 2020 kerajaan Malaysia membuka pelbagai pakej berjumlah RM305 bilion bagi menampung impak pandemik.

Antaranya Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), Pakej PRIHATIN Tambahan, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan Kerangka Inisiatif Tambahan PRIHATIN (KITA-PRIHATIN).

Dalam menghadapi pandemik yang tidak dirancang dan disangka ini, kebanyakan negara selalunya melonggarkan kaedah sedia ada untuk perolehan awam serta semak dan imbangan bagi menghantar bantuan dan pertolongan secepat mungkin.

Kajian terdahulu oleh Persatuan Pemeriksa Penipuan Bertauliah (ACFE) menunjukkan beberapa penipuan secara umum akan meningkat ketika ke-melesetan.

Pandemik menunjukkan hal kecemasan dan tindak balas cepat selanjutnya membuka peluang untuk pencabulan integriti, terutamanya penipuan dan rasuah.

Disebabkan peruntukan yang banyak, ini juga boleh mengundang ketirisan besar, sehingga menyebabkan keberkesanan tindakan kerajaan terjejas teruk.

Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) menyatakan perolehan perubatan dan bekalan dalam sistem kesihatan paling terdedah kepada rasuah dan penipuan.

Disebabkan terdapat mekanisme singkat diletakkan semasa pandemik bagi mendapatkan barangan dan per-

khidmatan penting, individu korup akan cuba menggunakan modal isu global tentang kekurangan kedua-dua bekalan perubatan dan kesihatan.

Mereka melihat perkara ini sebagai peluang keemasan untuk mengambil kesempatan krisis semasa atas perolehan peribadi.

Lantas, apa faktor menyumbang penipuan ini? Segi Tiga Penipuan Cressey menyatakan tiga elemen membolehkan penipuan untuk berlaku.

Tekanan meningkat daripada keperluan mendapatkan tindakan pantas, campur tangan politik dan tekanan kewangan peribadi disebabkan elemen seperti tabiat gaya hidup atau mewah.

Peluang termasuk kawalan dalaman lemah, suara lemah pada peringkat atasan dan terlalu banyak kuasa budi bicara yang datang bersama pangkat.

Rasional dalam melihat bahawa semua orang melakukan perkara sama dan percaya bahawa tindakan mereka betul.

Disebabkan pembabitan jumlah wang pembayar cukai yang banyak, apa patut dilakukan kerajaan bagi mengelak ketirisan dalam perolehan awam dan proses penghantaran, serta memastikan pencapaian dinyatakan tercapai secara berkesan?

Terdapat kaedah jangka pendek dan jangka panjang boleh diambil bagi mencapai perkara di atas untuk mengelak masalah menjadi lebih teruk, selain bersedia dengan lebih baik bagi menghadapi krisis akan datang.

Mengambil kira penguatkuasaan ketelusan bajet amat sukar semasa krisis, ia amat penting bahawa kaedah teguh dan telus bagi peruntukkan bajet tidak

dipintas atau terjejas.

Forum Ekonomi Dunia (WEF) memberi amaran bahawa ketelusan dan akauntabiliti tidak boleh hilang dalam memberi tindak balas pantas terhadap COVID-19.

Meletakkan kaedah dan akauntabiliti yang betul bukan sahaja dapat mengelakkan rasuah, tetapi juga membina semula kepercayaan.

Ketelusan kerajaan dan peningkatan institusi pengawasan adalah asas bagi memastikan pengurusan kontrak bagi mempunyai susunan akauntabiliti dalaman yang jelas dan teguh.

Kontrak sepatutnya diberikan kepada kontraktor yang mempunyai bukti kebolehppercayaan dan rekod baik dari segi teknikal dan kewangan.

Usaha wajar yang mencukupi perlu diambil apabila memilih kontraktor bagi mengurangkan potensi risiko, terutamanya kerugian daripada harga yang melampau dan penangguhan projek disebabkan kurang pengalaman. Harus diambil berat bahawa rakyat

mengharapkan nilai bagi wang daripada kontrak kerajaan walaupun semasa waktu krisis.

Dari segi sosioekonomi, kerajaan perlu menyediakan sokongan fiskal bagi melindungi pemegang taruh yang terkesan secara terus ketika pandemik. Mereka yang terjejas adalah pekerja gaji harian, syarikat kecil dan sederhana, keluarga berpendapatan rendah dan komuniti yang terdedah.

Dalam hal ini, Ketua Audit Negara dan beberapa auditor dalaman lain di sektor awam perlu terus melakukan tugas tanpa menjejaskan prinsip mereka.

Seperti diamalkan dengan perbelanjaan yang tidak berkaitan dengan COVID-19, mereka perlu melapor mana-mana yang tidak menepati dalam pemberian dan pembayaran wang daripada pakej berkaitan dengan COVID-19, terutama yang terbabit dengan agensi barisan hadapan.

Penelitian ini boleh disokong pementauan dan pelaporan badan bukan kerajaan (NGO) dan media sekiranya terdapat jaminan kebebasan media serta capaian mudah bagi maklumat relevan.

Kita perlu memainkan peranan sebagai kakitangan awam dan rakyat dengan melakukan tugas dengan penuh bertanggungjawab, berintegriti dan amanah.

Ketiadaan akauntabiliti dan integriti organisasi membuka pintu kepada rasuah menyebabkan kos tinggi kepada semua yang terbabit. Kita tidak mahu mengulangi kes profil tinggi terdahulu yang menyebabkan dan masih merosakkan negara kita.

Hakikatnya, walaupun sudah berdehad berperang dengan ancaman, rasuah masih berleluasa. Sedihnya, tiada cahaya yang hampir di hujung terowong.

Dalam analisis akhir, mereka yang hidup takut kepada Tuhan berdasarkan kepada amalan terbaik agama, tidak akan bersetuju atau menyokong rasuah.

Namun, terdapat juga mereka yang mengaku takut kepada Tuhan, tetapi mendekati diri dengan rasuah serta menyalah guna kuasa.

Mereka akhirnya akan bertanggungjawab dengan Yang Maha Kuasa kelak. Namun sekarang, ia tugas hakiki kita untuk menolak sepenuhnya mereka yang bersalah dan memastikan sistem sedia ada dapat menghukum mereka tanpa mengira pangkat atau kedudukan.

Pandemik menunjukkan hal kecemasan dan tindak balas cepat selanjutnya membuka peluang untuk pencabulan integriti, terutamanya penipuan dan rasuah.



Penulis adalah Presiden Persatuan Pemeriksa Penipuan Bertauliah (ACFE)